



Momentum pasukan wanita Kedah berada pada tahap terbaik selepas mencatatkan kemenangan ke atas Pulau Pinang, semalam. FOTO ARENA HIJIAUKUNING

Wanita Kedah intai separuh akhir

SINTOK - Pasukan bola sepak wanita Kedah mencatatkan kemenangan 3-0 ke atas Pulau Pinang pada saingan ketiga Kumpulan B Piala Tun Sharifah Rodziah 2016 di Padang Universiti Utara Malaysia (UUM), semalam.

Kemenangan itu meletakkan skuad wanita Hijau Kuning berada di landasan tepat untuk mara ke peringkat separuh akhir, namun perlu menghadapi dua lagi baki perlawanan peringkat

kumpulan menentang Perak pada esok dan penyandang juara, MISC pada Selasa.

Terdahulu pada perlawanan pertama kumpulan, Kedah berjaya menjinakkan Pahang 3-1 pada Khamis dan seri 1-1 dengan Kuala Lumpur pada Jumaat lalu.

Kemenangan terbaru ke atas skuad wanita Harimau Kumbang dijangka memberi suntikan motivasi buat skuad wanita Kedah yang bakal menerima saingan sengit pada

baki dua perlawanan akhir kumpulan sebelum bercita-cita untuk mara ke peringkat seterusnya.

Jurulatih Pasukan Wanita Kedah, Mohd Irwan Rashidi berkata, mereka mahu fokus dari satu perlawanan ke satu perlawanan kerana percaya Perak dan MISC mampu menjadi penghalang utama untuk meleburkan hasrat pasukan jika tidak bersedia sepenuhnya.